

Dr M: 300,000 rakyat dapat kerja di industri

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

SEREMBAN, Isnin — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini berkata, sektor perindustrian di negara ini telah dapat mewujudkan lebih 300,000 peluang pekerjaan kepada rakyat sejak 10 tahun lalu.

Katanya, ini adalah sebagai bukti menunjukkan betapa perlunya Kerajaan memesatkan lagi bidang pelaburan dan perusahaan dalam usaha menyediakan peluang-peluang pekerjaan untuk rakyat.

Tambah beliau, tanpa menyertai bidang perindustrian seperti ini akan menyebabkan beribu-ribu rakyat yang sekarang bekerja akan menganggur atau menyertai bidang pertanian cara tradisi yang tidak ekonomik.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan tapak perusahaan Sungai Gadut, 6 batu dari sini sempena lawatan rasmi beliau dua hari ke Negeri Sembilan mulai hari ini.

Selain dari itu, ujar beliau, dasar menggalakkan pelaburan terutama dalam bidang perusahaan ini ialah untuk menunjukkan kepada dunia bahawa negara kita mampu mengendalikan perusahaan pembuatan seperti negara-negara maju yang lain.

Katanya lagi, negara-negara seperti Malaysia dulu dianggap hanya sebagai tempat mengeluarkan bahan-bahan mentah dan juga dikatakan tidak mampu mengadakan perusahaan pembuatan kerana tidak tegas dan kurang

pengetahuan.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, bagaimanapun semua pendapat ini terbukti tidak benar kerana Malaysia sekarang telah mencapai satu tahap perusahaan yang boleh bergiat dalam industri berat.

"Negara kita adalah sebuah negara yang kaya raya, maju, mempunyai cukup modal dan tenaga pekerja yang mudah dilatih.

"Kita telah sampai ke satu tahap yang mana kita boleh memasuki bidang perusahaan yang lebih berat iaitu dalam bidang industri berat.

"Hari ini kita sedang berusaha supaya dapat mendirikan perusahaan-perusahaan berupa aluminium dan besi sebagai usaha menggalak lebih banyak kilang-kilang ditubuhkan di negara ini," tambah beliau.

Timbalan Perdana Menteri itu berkata semua usaha Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara industri ialah bagi menaikkan lagi taraf hidup dan pendapatan rakyat.

Kata beliau, negara tidak boleh bergantung semata-mata kepada sektor pertanian kerana perkembangan sektor ini

adalah terhad berikutan dengan kawasan tanah yang tidak boleh diperluaskan lagi.

Menurut beliau, perusahaan pertanian secara moden dengan pembukaan estet-estet yang besar telah diusulkan oleh FELDA tetapi bilangan yang memerlukan tanah begitu banyak dan ini sukar untuk diatasi.

Jalan keluar menyelesaikan masalah ini ialah dengan mencurahkan diri dalam sektor perindustrian yang sentiasa memerlukan guna tenaga pekerja yang banyak, tegas beliau.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga memberitahu Kerajaan sentiasa memberi perhatian terhadap perusahaan yang memerlukan guna tenaga yang banyak seperti bidang elektronik.

Beliau memberi contoh tiga buah syarikat elektronik di negara ini telah dapat menampung bukan saja jumlah pekerja seramai 100 atau 200 orang tetapi hingga 10,000 orang.

Malam ini, Datuk Seri Dr. Mahathir dan isteri diraikan dalam satu majlis makan malam di rumah Cahaya Negeri, Port Dickson.